

Kumbang Pengorek Koko Cerosterna

BAHAGIAN DISERANG	Dahan,Dahan jeket.
NAMA BIASA (BAHASA MALAYSIA)	Kumbang Pengorek koko
NAMA BIASA (BAHASA INGGERIS)	‘Branch Borer’
NAMA SAINTIFIK	<i>Cerosterna sp.</i>
ORDER	Coleoptera
FAMILI	Cerambycidae

CIRI-CIRI

- Kumbang dewasa boleh dikenal pasti melalaui warna kuning kekelabuan pada bahagian badan,sayap depan yang tebal,serta kehadiran warna perang tua pada hujung sayap depan(elytra).Warna beransur-ansur menjadi lebih cerah pada bahagian posterior
- Kumbang ini selalu bertelur di dahan jeket dan larva yang membesar sepenuhnya berukuran 80mm panjang dan 10mm lebar pada protoraks dan berwarna pucat
- Larva akan mengorek daripada bahagian atas ke bawah dahan pokok dan dikenal pasti melalui saiz galeri larva
- Proses korekan berterusan sehingga ia bertukar menjadi kepompong atau pupa
- Pupa dijumpai di hujung korekan dan berhampiran dengan kulit kayu

BIOLOGI

- Jangka hayat larva adalah di antara 315 hingga 525 hari

SIMPTOM DAN KEROSAKAN

- Larva mengorek bermula dari ranting menuju ke dahan dan akhirnya ke batang utama dan seterusnya hingga ke pangkal batang utama
- Apabila kulit di sekeliling batang utama rosak kerana serangan, dahan menjadi cepat kering dan pokok akan mulai mati

- Pokok koko kebiasaannya telah mati apabila kumbang muncul
- Kumbang dewasa cuma mengakibatkan kerosakan kecil kepada kulit kayu

KAWALAN

- Menyuntik racun dengan bahan aktif Chlorpyrifos ke dalam lubang yang mempunyai simptom frass yang masih baru
- Pemeriksaan perlu dijalankan setiap bulan serta diikuti rawatan susulan jikalau perlu, bagi mengurangkan tahap serangan



Gambar Seranga



Gambar Simptom Kerosakan